

Selangor bina 4,800 Rumah Idaman

*Babit lokasi di
Kajang, Bangi dan
Paya Jaras yang
dijangka siap pada
tahun 2022*

ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor meluluskan pembinaan sebanyak 4,800 unit Rumah Idaman yang dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2022.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, buat masa ini gerak kerja bagi pembinaan rumah tersebut telah



AMIRUDIN

dimulakan membabitkan lokasi di sekitar Kajang, Bangi dan Paya Jaras.

"Setiap unit Rumah Idaman mempunyai tiga bilik dan dua bilik air, berukuran lebih kurang

1,000 kaki persegi bersama dua parkir kenderaan," katanya menerusi ciapan di akaun Twitter-nya semalam.

Amirudin berkata, pembinaan rumah tersebut yang dilengkapi dengan peralatan seperti kabinet televisyen, dapur, peti sejuk, penghawa dingin dan pemanas air itu hanya dijual pada harga RM250,000 sahaja.

Menurutnya, kerajaan Selangor juga akan bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan dan institusi-institusi kewangan seperti Bank Simpanan Nasional (BSN) dari Bank Rakyat dalam menjayakan usaha tersebut.

"Langkah ini bagi membolehkan pemohon menyertai Skim Smart Sewa dan mendapat kemudahan pinjaman sehingga 40 tahun," katanya.